

Cabaran Pemerkasaan Literasi Maklumat Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah Melalui Peranan Bahagian Sokongan Keluarga di Sarawak

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 52-70
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 2 January 2021
Accepted: 29 January 2022
Published: 16 February 2022

[The Challenges of Empowering Information Literacy of Enforcement of Judgment by Syariah Court Through The Family Support Division in Sarawak]

Zulzaidi Mahmod,¹ Ahmad Hidayat Buang,¹ & Afifah Baharuddin¹

¹ Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Email: zulzaidi86@gmail.com; ahidayat@um.edu.my;

* Corresponding Author: zulzaidi86@gmail.com

Abstrak

Penghakiman yang diputuskan oleh Hakim Syarie Mahkamah Syariah hendaklah dipatuhi oleh pihak-pihak yang bertikai. Penghakiman yang tidak dipatuhi boleh diambil tindakan melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman. Masyarakat perlu memahami maklumat ini untuk memastikan kecuaiannya melaksanakan penghakiman diambil tindakan melalui undang-undang. Maklumat yang tidak dapat disalurkan berkenaan pengabaian nafkah akan memberi kesan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak. Persoalannya bagaimanakah mekanisme yang digunakan oleh Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi menyampaikan maklumat berkenaan penguatkuasaan penghakiman. Kertas kerja ini bertujuan melihat cabaran literasi maklumat penguatkuasaan penghakiman melalui peranan BSK JKSM di Sarawak. Pendekatan metodologi yang diguna pakai bagi kertas kerja ini ialah pendekatan kualitatif. Pengumpulan data penyelidikan ini dilakukan secara kepustakaan, dokumentasi dan temubual pihak berkaitan. Hasil kajian ini mendapati bahawa BSK JKSM di Sarawak telah menjalankan literasi maklumat kepada masyarakat dengan pelbagai mekanisme termasuk saluran media massa. Cabaran pelaksanaan literasi maklumat adalah kekangan kakitangan, geografi Sarawak, pengangkutan dan ketiadaan unit khusus. Pandemik covid-19 juga merupakan cabaran kepada literasi maklumat ini. Penyelidikan ini mencadangkan pemerkasaan literasi maklumat dimantapkan oleh BSK JKSM di Sarawak dengan lebih berfokus dan menggunakan saluran media agar masyarakat memahami maklumat penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Syariah.

Kata kunci: Penghakiman, Penguatkuasaan Penghakiman, Bahagian Sokongan Keluarga, JKSM, JKSS, literasi maklumat.

Abstract

The judgment decided by the Syariah Judges of the Syariah Court shall be complied by the disputing parties. Judgments that are not complied with can be acted upon through the enforcement and execution of the judgment. Public need to understand this information to ensure that the negligence in executing judgments is prosecuted by the law. The information about neglegation of alimony that are not been informed will have an effect of persecution on women and children. The question is how is the mechanism used by the Family Support Division Department of Syariah Judiciary Malaysia (BSK JKSM) to provide information on the enforcement of judgment. This research paper was aimed to view the challenges of information literacy in judgment enforcement through the BSK JKSM in Sarawak. The methodological approach used for this research paper is a qualitative approach. The data were collected through the literature, documentation and interviews with the relevant parties. The results of this research found that BSK JKSM in Sarawak has conducted information literacy to the

community with various mechanisms which including mass media. There are some challenges in the implementation of information which are the staff constraints, the geography of Sarawak, transportation and no specialized units. The covid-19 pandemic is also one of the reason the information literacy was affected. This research suggests that the empowerment of information literacy is need to be strengthened by BSK JKSM in Sarawak, in which it should be more focused and use mass media as one of the way to make the community understand about the information on the enforcement of Syariah Court judgment.

Keywords: Judgment, Syariah Court, Family Support Division, JKSM, JKSS, Information Literacy

Cite This Article:

Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin. 2022. Cabaran pemerkasaan literasi maklumat penguatkuasaan penghakiman mahkamah syariah melalui peranan bahagian sokongan keluarga di Sarawak [The challenges of empowering information literacy of enforcement of judgment by syariah court through the family support division in Sarawak]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 52-70.

Pengenalan

Literasi maklumat berkenaan dengan fungsi agensi kerajaan merupakan mekanisme penting bagi memastikan penawaran perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat. Malaysia meletakkan fungsi agensi kerajaan dalam pelbagai aspek penawaran perkhidmatan kepada masyarakat. Organisasi perlu memantapkan penyampaian perkhidmatan pelanggan melalui pengukuhan struktur organisasi dan penyediaan kemudahan-kemudahan yang dapat meningkatkan penawaran perkhidmatan (MAMPU, 2008). Kemahiran literasi maklumat penting dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat yang sentiasa ditekankan oleh kerajaan dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan masyarakat berilmu (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019). Kesedaran yang meningkat dalam kalangan rakyat telah menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi untuk mengakses maklumat serta meningkatkan ekspektasi terhadap perkhidmatan kerajaan yang berkualiti (Unit Perancang Ekonomi, 2020). Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan bukan sahaja tertumpu kepada penambahbaikan sistem dan proses kerja sahaja, malah perhatian yang sewajarnya juga perlu diberi kepada aspek meningkatkan jalinan hubungan antara organisasi dengan pelanggan-pelanggannya (MAMPU, 2008). Perkara ini dilaksanakan oleh banyak agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (Portal JKM, 2021), Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk Mahkamah Syariah.

Mahkamah Syariah dalam menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat melalui kesedaran memahami hak-hak masyarakat yang boleh dituntut melalui saluran perundangan. Intituti Kehakiman Syariah di seluruh Malaysia telah melaksanakan literasi maklumat dengan pelbagai mekanisme seperti ceramah, forum, seminar, *Facebook Live*, siaran radio, siaran televisyen dan sebagainya. Tujuan utama kepada proses literasi maklumat ini adalah memberi kesedaran bahawa Mahkamah Syariah yang menjalankan fungsi keadilan melaksanakan perkhidmatan secara teratur dan mengikut saluran undang-undang. Perkara penting berkenaan dengan proses kehakiman adalah keputusan atau penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie. Penghakiman atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah adalah suatu keputusan yang mesti dipatuhi (Zaini Nasohah, 2009). Penghakiman di Mahkamah Syariah sering dipertikai

dan diingkari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga penganiayaan berlaku terhadap wanita dan kanak-kanak terutama daripada aspek nafkah. Terdapat mekanisme penguatkuasaan penghakiman terhadap perintah yang diingkari melalui prosiding di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan melihat proses literasi maklumat melalui fungsi dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) di Sarawak terhadap penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Syariah. Makalah ini juga melihat peranan yang dilaksanakan oleh BSK di Sarawak dalam tempoh pandemik covid-19 bagi memastikan kesedaran masyarakat terhadap hak wanita dan kanak-kanak menurut perspektif perundangan di Sarawak.

Metodologi Kajian

Pengumpulan data dalam penyelidikan ini telah dilakukan secara kepustakaan, dokumentasi dan temubual pihak berautoriti. Temubual dilakukan dalam penyelidikan ini adalah bagi mendapatkan maklumat terkini berkenaan literasi maklumat penguatkuasaan penghakiman. Limitasi penyelidikan ini dalam skop Wilayah Sarawak sahaja. Dokumentasi yang diperolehi berdasarkan pengumpulan data yang diterima daripada pihak berautoriti telah dihuraikan oleh responden berdasarkan sub isu yang dibangkitkan dalam dapatan kajian ini. Temubual dilakukan secara serentak bagi kedua-dua responden agar aliran maklumat yang diperolehi didapati secara menyeluruh dan holistik. Penyelidikan dilakukan melalui metodologi kualitatif terhadap peranan BSK JKSM yang ditempatkan di Wilayah Sarawak. Proses penyelidikan dilakukan secara berstruktur dan rapi bagi memastikan dapatan kajian adalah relevan dan wajar.

Kepatuhan Penghakiman Hakim Syarie di Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah Negeri (MSN) menjalankan fungsi keadilan melalui ketetapan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Sesebuah institusi kehakiman Islam memerlukan kepada beberapa elemen utama seperti mahkamah, Hakim Syarie, pegawai mahkamah, pendaftar mahkamah, bailif, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie dan sebagainya (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Hakim Syarie berperanan utama di MSN untuk mengendalikan dan memutuskan penghakiman kes berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. Perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah merupakan suatu keputusan penghakiman yang mesti dipatuhi sebagaimana dinyatakan oleh Zaini Nasohah (2009). Penghakiman atau perintah tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak dikehendaki melaksanakan penghakiman atau perintah tersebut (Mohamed Faouzi et al., 2021).

Hakim Syarie juga mengendalikan pasca penghakiman iaitu kes penguatkuasaan perintah sekiranya pihak-pihak gagal mematuhi perintah yang dimeterai. Apabila perintah nafkah isteri atau nafkah anak telah diperolehi dari mahkamah, maka pemiutang penghakiman berhak memfailkan pelaksanaan saman penghutang penghakiman sekiranya terdapat tunggakan hutang (Mohd Hazwan & Jasni Sulong, 2021). Mohamed Faouzi et al. (2021) menyatakan bahawa mekanisme *ditakninkan* oleh undang-undang *inter alia* saman penghutang penghakiman, sita jual, hiwalah, pemilikan dan hantar serah. Penghakiman dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*).

Peruntukan undang-undang melalui akta dan enakmen di negeri-negeri telah menetapkan beberapa cara untuk penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah (Zaini Nasohah, 2009). Penghakiman yang dibuat oleh hakim bicara akan dibacakan oleh hakim tersebut sebagaimana Sek. 130(2), Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585). Penghakiman juga boleh dibacakan oleh mana-mana hakim lain atau oleh pendaftar di mahkamah terbuka sebagaimana Sek. 130(3), Akta 585 kepada pihak-pihak yang hadir. (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021).

Proses penguatkuasaan penghakiman berkenaan dengan nafkah anak dan nafkah isteri telah banyak diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah seperti kes *Abdul Sany Faizal Abdul Rahman lwn. Zulraini Dato` Zulkifli* (Kes Mal No. 14000-037-0001-2009) dan kes *Mohd Yusoff bin Ali lwn. Zaharah binti Ayob* (Kes Mal No. 070000-037-0005-2019). Perkara ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah serius mengendalikan pengurusan kes penguatkuasaan penghakiman untuk memastikan keadilan diberikan sebagaimana ketetapan undang-undang.

Penguatkuasaan penghakiman juga telah dibincangkan oleh Muhammad Bashir Alkali (2021) daripada perspektif negara Nigeria yang mana undang-undang dan penghakiman yang sah menjadi asas penguatkuasaan penghakiman tersebut. Kepatuhan penguatkuasaan penghakiman juga telah dibincangkan menurut perspektif Perundangan Islam. Ulama` kontemporari yang membincangkan perkara ini adalah `Abd al-Karim Zaydan (2011) dan Muhammad al-Zuhayli (2011) di dalam kitab mereka di bawah tajuk "*Tanfidh al-Hukm*" dan "*Tanfidh al-Ahkam*". Perkara ini bagi menunjukkan bahawa perundangan Islam juga telah menitikberatkan perkara ini memastikan keadilan diberikan secara berterusan dan untuk mengelakkan penganiayaan. Perkara ini ditegaskan oleh Ibn Farhun berkenaan fungsi kehakiman iaitu membantu orang yang dizalimi, menyelesaikan perbalahan dan merupakan perbuatan yang ma`ruf dan mencegah daripada kemungkar (Ibn Farhun, 2003). Fungsi lain berkenaan kehakiman menunaikan hak kepada yang berhak dan menjauhkan orang zalim daripada kezalimannya sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Qudamah (2004). Kepatuhan penghakiman merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak di Malaysia. Kegagalan mematuhi penghakiman dalam konteks nafkah isteri, nafkah iddah, mutaah dan nafkah anak akan menyebabkan penganiayaan kepada wanita dan kanak-kanak khususnya. Oleh yang demikian, masyarakat perlu diberikan pendedahan berkenaan proses dan tindakan yang boleh dilakukan dalam memastikan penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie dipatuhi sebagaimana proses perundangan di Malaysia.

Perkhidmatan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) di Sarawak

BSK ditubuhkan bagi mengendalikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah isteri dan nafkah anak di Mahkamah Syariah negeri-negeri (Mohd Amir Arifin, 2021). Pelancaran BSK JKSM ditubuhkan secara rasminya pada 22 Oktober 2008 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di JKSM (BSK JKSS, 2021). BSK ditubuhkan di Mahkamah Syariah kerana isu tuntutan nafkah dan penguatkuasaannya sering menjadi rungutan terutama di kalangan isteri atau isteri yang diceraikan atau ibu kepada kanak-kanak yang diceraikan (Sidang

Parlimen, 2017). Penubuhan BSK ini sebagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menambah baik mekanisme penguatkuasaan perintah mahkamah pasca penceraian dalam kalangan orang Islam (Sidang Parlimen, 2019). Penubuhan BSK membawa dimensi baru bagi masyarakat Islam di Malaysia untuk mendapatkan layanan penguatkuasaan dan pelaksanaan yang lebih efisien (Agustin Hanafi & Mohamad Hedhayatullah, 2018).

BSK JKSM telah ditempatkan di semua MSN dan JKSM di Malaysia termasuk di Wilayah Sarawak. Penempatan kakitangan BSK ini telah diletakkan di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) yang berpusat di bangunan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Sarawak di Kuching (BSK JKSS, 2021). Pengurusan BSK JKSM di Sarawak mempunyai bilangan kakitangan seramai enam (6) orang untuk melaksanakan tugas seluruh Sarawak. Pada menjalankan fungsi BSK, tiga unit utama diwujudkan untuk memudahkan urusan pengurusan secara teratur dan terancang (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Unit yang tersebut adalah Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) (Roslina Che Soh et al., 2017). BSK di Sarawak bukan hanya menjalankan fungsi penguatkuasaan penghakiman melalui saluran undang-undang sahaja, tetapi kakitangan BSK di Sarawak juga menjalankan fungsi literasi maklumat untuk memberi kefahaman kepada masyarakat berkenaan dengan keingkaran perintah nafkah (Mohd Sufi, 2021). Kepentingan literasi maklumat berkenaan dengan hak-hak wanita merupakan mekanisme terbaik untuk memastikan masyarakat memahami bahawa Mahkamah Syariah melalui BSK menjalankan tanggungjawab membantu wanita dan kanak-kanak teraniaya.

Literasi Maklumat Penghakiman Mahkamah Melalui Fungsi BSK JKSM di Sarawak

Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019). Literasi maklumat berkenaan dengan pengurusan agensi kerajaan merupakan perkara penting masa kini. Organisasi perlu memantapkan penyampaian perkhidmatan pelanggan melalui pengukuhan struktur organisasi dan penyediaan kemudahan-kemudahan yang dapat meningkatkan penawaran perkhidmatan (MAMPU, 2008). Penawaran perkhidmatan kerajaan merupakan aspek utama yang ditekankan oleh pihak kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh. Kesemua teori dan model dalam komunikasi berkaitan dengan proses penyaluran maklumat menjelaskan bahawa mesej adalah maklumat yang mempunyai maksud dan berlegar antara penghantar mesej kepada penerima melalui saluran yang sesuai (Hamidi, Tuan Pah & Mat Khalid, 2012). Kemahiran literasi maklumat penting dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat yang sentiasa ditekankan oleh kerajaan dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan masyarakat berilmu (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019).

Literasi maklumat adalah untuk menyedarkan masyarakat dan memberikan informasi yang terus daripada agensi terlibat. Perkara ini ditunjukkan sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam penyediaan draf rang

undang-undang berkaitan kesaksamaan gender dan anti diskriminasi terhadap wanita. Kementerian telah mengadakan sesi jerayawara dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk orang awam yang bertujuan untuk memperjelaskan kandungan draf rang undang-undang ini sebelum ia dipertimbangkan untuk dibentangkan di Parlimen (Sidang Parlimen, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat perlu memahami undang-undang yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Perkara ini juga dilaksanakan oleh Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia melalui JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan MSN. MSN tidak hanya menumpukan kepada pengurusan kes sahaja, tetapi mendedahkan kepada masyarakat peranan dan fungsi MSN secara menyeluruh serta kes-kes yang dikendalikan di MSN. Mekanisme literasi penyaluran maklumat kini tidak tertumpu kepada risalah sahaja, tetapi merangkumi maklumat portal, siri penerangan di televisyen dan radio, *Facebook Live*, Youtube dan lain-lain. Laman web JKSM, JKSN dan MSN memaparkan maklumat penting berkenaan proses mahkamah secara langsung dari segi pendaftaran kes sehinggalah proses penulisan teks Alasan Penghakiman. Laman web/portal merupakan di antara saluran di dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor awam kepada orang ramai sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Portal myGovernment dan Laman Web/Portal Agensi-agensi Sektor Awam. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) melalui portal web telah memaparkan alasan penghakiman kes-kes yang melalui prosiding di Mahkamah Syariah, walau bagaimanapun paparan tersebut adalah terhad seperti nama dipadamkan dan maklumat tidak menyeluruh. Terdapat MSN dan JKSN negeri lain memaparkan perkara yang sama berkenaan dengan teks alasan penghakiman. Perkara ini berbeza dengan Mahkamah Sivil melalui laman rasmi Ketua Pendaftar memaparkan maklumat berkenaan alasan penghakiman yang dikendalikan di Mahkamah Sivil (Laman Web Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, 2020). Perkara ini wajar diikuti oleh JKSN dan MSN untuk memastikan ketelusan proses kehakiman.

Proses paparan maklumat dan penerangan maklumat berkenaan fungsi dan peranan Mahkamah Syariah merupakan proses literasi maklumat. Perkara ini juga dilaksanakan oleh BSK JKSM di seluruh Malaysia termasuk di Wilayah Sarawak. BSK di Sarawak telah memainkan peranan mendedahkan kepada masyarakat kepentingan perintah nafkah dan kepentingan penguatkuasaan penghakiman bagi menjamin keadilan melalui saluran perundangan (Mohd Sufi, 2021). Setiap orang memerlukan maklumat untuk pelbagai tujuan dan kerana itu mereka harus mempunyai kebolehan untuk mencari maklumat dan menggunakannya bila-bila (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019). Terdapat banyak mekanisme yang digunakan oleh BSK di Sarawak untuk memberitahu masyarakat dan agensi berkenaan dengan fungsi BSK agar keadilan terhadap hak wanita dan kanak-kanak diadili sewajarnya. Literasi maklumat berkenaan pengabaian dan kecuaian nafkah wanita dan kanak-kanak merupakan fokus utama BSK di Sarawak. Hal ini adalah kerana kecuaian dan pengabaian tersebut memberikan impak besar kepada institusi kekeluargaan sekali gus penganiayaan terhadap hak wanita dan kanak-kanak (Khadijah Ibrahim, 2021). Pengurusan maklumat adalah bagaimana seseorang pegawai bertanggungjawab perlu menguruskan maklumat supaya mampu beliau jelaskan kepada masyarakat dengan teratur dan kemas bagi menyokong proses implementasi (Hamidi, Tuan Pah & Mat Khalid, 2012). Pegawai dan kakitangan BSK akan menerangkan berkenaan dan peranan yang dimainkan dalam proses undang-undang (Khadijah

Ibrahim, 2021). Literasi maklumat juga merupakan mekanisme “Pendidikan Masyarakat” yang berterusan untuk memudahkan urusan seharian yang melibatkan kerajaan dan masyarakat. Penyelidikan memilih BSK di Wilayah Sarawak sebagai skop perbincangan adalah berdasarkan geografi di Sarawak dan mekanisme yang digunakan oleh BSK di Sarawak.

Analisis Cabaran Pemeraksanaan Literasi Maklumat Penguatkuasaan Penghakiman Hakim Syarie Mahkamah Syariah

BSK memainkan peranan penting dalam memastikan hak wanita dan kanak-kanak selepas pasca penghakiman dilaksanakan sebagaimana dimeterai. Literasi maklumat berkenaan dengan proses penguatkuasaan penghakiman perlu diberikan kepada masyarakat agar kefahaman mereka mendasar terhadap perkara ini. JKSM juga meletakkan di dalam Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia berkenaan mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap prosedur undang-undang (JKSM, 2013). Literasi maklumat memerlukan kepada komunikasi kepada masyarakat dan agensi melalui saluran yang sewajarnya. Komunikasi yang berlangsung memerlukan penghantar mesej yang terdiri daripada pegawai kerajaan yang bertanggungjawab melihat lima peringkat asas iaitu pengurusan maklumat, kegunaan maklumat, pemilihan dan penggunaan bahasa yang sesuai, golongan sasaran dan akses (saluran) sebagaimana dinyatakan oleh Hamidi, Tuan Pah & Mat Khalid (2012). Pada menjalankan fungsi BSK di Sarawak berkenaan literasi maklumat kepada masyarakat awam khususnya di Sarawak, maka terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan tugas ini. Penyelidikan mendapati terdapat beberapa cabaran yang dapat dikenal pasti terhadap proses literasi maklumat sebagaimana berikut:

Peranan BSK yang Luas Terhadap Literasi Penguatkuasaan Penghakiman di Wilayah Sarawak

Peranan BSK tidak hanya tertumpu kepada pengendalian kes dan runding cara di Mahkamah Syariah sahaja. Pegawai dan kakitangan BSK juga perlu memastikan bahawa penyaluran maklumat berkenaan fungsi BSK dilaksanakan kepada agensi kerajaan, agensi swasta, IPT dan masyarakat awam di Sarawak. Pelbagai mekanisme literasi maklumat digunakan di BSK Sarawak sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 1: Mekanisme Literasi Maklumat Penguatkuasaan Penghakiman BSK di Sarawak

Bil.	Mekanisme Literasi Maklumat BSK JKSM (Seksyen Sarawak)	Pengangkutan Digunakan	Mekanisme Pelaksanaan Program		Masa/ Tempoh Pelaksanaan	
			Fizikal	Media Massa	Sebelum Tempoh Pandemik Covid-19	Semasa Tempoh Pandemik Covid-19
1.	Penerangan Fungsi BSK JKSM di Ibu Pejabat Penjara Negeri Sarawak Puncak Borneo Kuching Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X 15 Julai 2019	
2.	Penerangan Fungsi BSK JKSM kepada kakitangan Penjara di Penjara Puncak Borneo Kuching Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X	
3.	Penerangan Fungsi BSK JKSM (Pengurusan Dana) di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X Februari 2020	
4.	Program Wawasan Ummah Gemilang Majlis Islam Sarawak 2020-2030 di Kuching Sarawak (Bersama Ketua Menteri Sarawak)	-	X		X Mac 2020	
5.	Penerangan Fungsi BSK JKSM di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Kuching Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X Mac 2020	
6.	Penerangan Fungsi BSK JKSM di Bahagian Pembangunan Sosial Kementerian Kebajikan Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak, Petrajaya, Kuching Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X 2019	
7.	Penerangan Fungsi BSK JKSM kepada SAINS Sdn. Bhd di Ibu Pejabat JKSS, Kuching Sarawak	-	X		X 15 Oktober 2019	
8.	Penerangan Fungsi BSK JKSM kepada Pelajar IKMAS di Ibu Pejabat JKSS, Kuching Sarawak	-	X		X	
9.	Seminar Undang-Undang Keluarga Islam Masjid As-Salam Marudi, Bahagian Miri Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X		X 14 Julai 2019	

10.	Ceramah Pengurusan Keluarga Dalam Islam Masjid As-Salam Marudi, Bahagian Miri Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X	X	13 Julai 2019
11.	Seminar Kekeluargaan Islam Tahun 2019, Dewan Kg. Rajang, Daerah Tg Manis, Bahagian Mukah	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X	X	26 September 2019
12.	Seminar Undang-Undang Keluarga Islam, Daerah Belaga, Kapit Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X	X	7 Mac 2020
13.	Program Bersama Masyarakat Islam di Masjid Darul Taqwa, Kg. Melayu Daerah Belaga Kapit Sarawak	Kenderaan JKSS (Pacuan 4 Roda)	X	X	6 Mac 2020
14.	Risalah (Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak)	-	X	X	Januari 2021
15.	Penerbitan Buku (Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak)	-	X	X	Januari 2021
16.	Televisyen TVS Saluran Astro 122 Program Sejahtera Asia	-	X	X	25 April 2021
17.	Akhbar Utusan Sarawak (BSK JKSS bantu wanita teraniaya)	-	X	X	9 April 2021
18.	Segmen Internet Radio Islamic Sarawak (IRIS) Bersama JKSS (Kegagalan Pemberian Nafkah kepada Bekas Isteri dan Anak)	-	X	X	14 September 2020
JUMLAH				13	5
				AKTIVITI	AKTIVITI

Sumber: Laporan Aktiviti Program BSK JKSM (Seksyen Sarawak).

Literasi Maklumat daripada April 2019 sehingga April 2021.

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan berkenaan dengan mekanisme yang digunakan oleh pihak BSK di Sarawak dalam menjalankan literasi maklumat. Pembahagian jadual dibuat berdasarkan dua (2) situasi iaitu sebelum pandemik covid-19 dan sewaktu pandemik covid-19. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat lima (5) aktiviti yang dijalankan dalam tempoh pandemik dan hal ini menunjukkan bahawa BSK di Sarawak tetap menjalankan fungsi literasi sebagaimana sewajarnya. Bagi aktiviti secara fizikal yang dinyatakan menunjukkan terdapat 13


aktiviti secara fizikal yang dilakukan yang melibatkan penerangan dan ceramah dengan agensi kerajaan, swasta, IPT dan masyarakat awam.

Penyelidikan mendapati bahawa cabaran bagi menguruskan aktiviti sebagaimana pernyataan jadual bukanlah satu perkara yang mudah kecuali dengan komitmen daripada pegawai dan kakitangan. Literasi maklumat merupakan asas penting untuk memastikan masyarakat cakna terhadap tindakan yang perlu dilakukan berdasarkan saluran undang-undang. Oleh yang demikian, berdasarkan kekangan kakitangan yang hanya ada seramai enam (6) orang sahaja di Sarawak, maka mekanisme secara media massa perlu dimainkan dengan lebih giat dan optimum. Hal ini adalah untuk memastikan saluran media diguna bagi menyalurkan maklumat kepada masyarakat dengan lebih cepat dan menjimatkan kos. Walau bagaimanapun mekanisme secara fizikal perlu dilakukan secara patuh garis panduan keselamatan dan kesihatan agar masyarakat Islam di luar bandar khususnya mendapat maklumat secara khusus daripada kakitangan BSK berkenaan fungsi dan peranan yang ditawarkan oleh BSK kepada wanita dan kanak-kanak khususnya.

Cabaran Geografi dan Kependudukan Umat Islam di Sarawak

Penempatan BSK JKSM di Sarawak merupakan tindakan yang amat praktikal yang dilaksanakan di antara pihak JKSM dengan kerjasama JKSS. Jumlah kakitangan BSK JKSM hanya terdapat enam (6) orang sahaja yang ditempatkan di Sarawak. Jumlah kakitangan BSK ini adalah sama di setiap JKSN serta MSN. BSK JKSM di Sarawak perlu mengendalikan kes dengan faktor geografi di Sarawak yang luas berbanding negeri lain yang kecil seperti Perlis, Melaka dan Negeri Sembilan (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Faktor geografi yang luas merupakan faktor utama dalam mengendalikan program literasi maklumat kepada masyarakat terutamanya kepada masyarakat Islam luar bandar. Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,450 km² dan populasi sebanyak 2.5 juta (Prashobh Karunakaran, 2014). Keluasan Sarawak boleh dirujuk sebagaimana peta di bawah:

Rajah 1: Peta Sarawak



Sumber: Fadzilah Abdul Majid (2003)

Berdasarkan bancian yang dibuat menunjukkan bahawa Sarawak telah mencatatkan jumlah penduduk seramai 2,907,500 pada tahun 2020 berbanding seramai 2,471,140 pada tahun 2010 (The Official Portal of Sarawak Government, 2021). Jabatan Perangkaan Malaysia melalui bancian yang dilakukan pada tahun 2010 menunjukkan bahawa jumlah penduduk Islam di Sarawak adalah seramai 796,239 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Jumlah ini juga menunjukkan bahawa peratus umat Islam di Sarawak adalah 32.22% dari keseluruhan penduduk di Sarawak. BSK JKSM di Sarawak berdasarkan kekangan kakitangan dan juga faktor geografi Sarawak yang hampir sama dengan keluasan Semenanjung Malaysia perlu diberi perhatian oleh enam (6) orang kakitangan sahaja. Pihak JKSS telah mengambil inisiatif dengan cadangan mewujudkan beberapa jawatan kakitangan BSK secara lantikan negeri berdasarkan “Jawatan Berasaskan Caruman” yang akan ditempatkan di JKSS Ibu Pejabat, JKSS Sibu dan JKSS Miri (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Perkara ini dilihat sebagai satu inisiatif yang wajar bagi memastikan penyampaian perkhidmatan fungsi BSK dilaksanakan dengan berkesan. Penyelidikan mendapati bahawa bukan sekadar penambahan kakitangan perlu dilakukan, tetapi kompetensi pegawai BSK perlu dipertingkatkan dari segi emosi, motivasi, latihan dan pelan kerja untuk memastikan penyampaian maklumat dapat dilaksanakan menyeluruh kepada masyarakat di Sarawak.

Pengangkutan Program di Luar Bandar

Penubuhan BSK ini sebagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menambah baik mekanisme penguatkuasaan perintah mahkamah pasca penceraian dalam kalangan orang Islam (Sidang Parlimen, 2019). Menjalankan fungsi dan peranan BSK ini, maka semua kakitangan BSK JKSM di Sarawak akan mengendalikan kes, runding cara dan literasi maklumat ke seluruh Wilayah Sarawak. Penempatan kakitangan BSK ini telah diletakkan di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) yang berpusat di bangunan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Sarawak di Kuching (BSK JKSS, 2021). Oleh yang demikian, kakitangan BSK JKSM di Sarawak akan melaksanakan tugas sebagaimana diarahkan ke seluruh Sarawak termasuk Bahagian dan kawasan luar bandar. Berikut merupakan maklumat pengendalian tugas BSK JKSM (Seksyen Sarawak) berdasarkan geografi dan fasiliti kenderaan yang digunakan:

Jadual 2: Pengendalian Tugas BSK JKSM (Seksyen Sarawak) berdasarkan Geografi

Bil	Perkara	Maklumat	Penjelasan
1	Jumlah Bahagian di Sarawak	11 Bahagian	Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sibu, Sarikei, Mukah, Bintulu, Miri, Kapit, (Limbang & Lawas)
2	Pengangkutan menjalankan tugas di Bahagian Sarawak (prosiding kes, program literasi maklumat)	Kapal Terbang Twin Otter Pacuan 4 Roda Kereta JKSS Feri Sungai Boat Express	Pengangkutan adalah berdasarkan lokasi dan juga fasiliti pengangkutan yang bersesuaian. (Kemaskini 1 Mac 2021)

3	Keluasan Sarawak	Geografi	124,450 km persegi atau 37.7% keluasan Malaysia	Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,450 km ² dan populasi sebanyak 2.5 juta (Prashobh Karunakaran, 2014).
---	------------------	----------	---	---

Sumber: Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah (2022).

Kemaskini maklumat sehingga 1 Mac 2021

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah Bahagian yang dikendalikan BSK bagi tujuan penguatkuasaan penghakiman adalah 11 Bahagian utama. Berdasarkan keluasan Sarawak tersebut dan peta di dalam rajah 1 menunjukkan jarak antara satu bahagian kepada satu bahagian adalah jauh dan memakan masa. Pengangkutan yang digunakan juga adalah berdasarkan lokaliti di bahagian tersebut. Hal ini tidak termasuk pengangkutan sekiranya ke kawasan luar bandar. Pihak BSK optimis melaksanakan tugas bagi pengendalian kes, runding cara dan literasi maklumat ke seluruh Negeri Sarawak berdasarkan fungsi dan tugas yang diamanahkan (Mohd Sufi, 2021). Berdasarkan literasi maklumat dan program yang melibatkan BSK di luar bandar dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 3: Program Literasi Maklumat BSK di Kawasan Luar Bandar Sarawak

Bil .	Program Literasi Maklumat	Daerah	Zon/ Bahagian	Kenderaan Daripada Ibu Pejabat BSK Di Kuching
1.	Ceramah Pengurusan Keluarga Dalam Islam Masjid As-Salam Marudi,	Daerah Marudi	Zon Utara Bahagian Miri	Kapal Terbang Pacuan 4 Roda Feri Sungai
2.	Seminar Undang-Undang Keluarga Islam Masjid As-Salam Marudi,	Daerah Marudi	Zon Utara Bahagian Miri	Kapal Terbang Pacuan 4 Roda Feri Sungai
3.	Seminar Kekeluargaan Islam Dewan Kg. Rajang,	Daerah Tg. Manis	Zon Utara Bahagian Mukah	Twin Otter Pacuan 4 Roda
4.	Seminar Undang-Undang Keluarga Islam	Daerah Belaga	Zon Tengah Bahagian Kapit	Kapal Terbang Pacuan 4 Roda
5.	Program Bersama masyarakat Islam di Masjid Darul Taqwa, Kg. Melayu Belaga	Daerah Belaga	Zon Tengah Bahagian Kapit	Kapal Terbang Pacuan 4 Roda

Sumber: Laporan Aktiviti Program BSK JKSM (Seksyen Sarawak)

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan berkenaan program literasi maklumat BSK Sarawak di Luar Bandar. Terdapat lima (5) aktiviti yang dijalankan di tiga (3) Daerah kecil iaitu Daerah Marudi, Daerah Tg. Manis (Belawai) dan Daerah Belaga. Berdasarkan pengangkutan

yang digunakan daripada Ibu Pejabat ke kawasan berkenaan adalah kapal terbang, pacuan 4 roda dan Twin Otter dan feri pengangkutan kenderaan. Penyelidikan mendapati bahawa penggunaan kenderaan berdasarkan geografi merupakan kenderaan yang biasa digunakan. Cabaran ini merupakan satu cabaran yang besar kepada pihak BSK untuk ke kawasan luar bandar tersebut kerana pihak Ibu Pejabat BSK di Sarawak tidak mempunyai kenderaan khusus melainkan pihak JKSS memberi kerjasama bagi menggunakan kenderaan jabatan di Bahagian yang berkaitan. Oleh yang demikian, sekiranya BSK JKSM di Sarawak mempunyai kenderaan darat yang lebih khusus bagi kegunaan di Sarawak, maka program literasi maklumat kepada masyarakat luar bandar bagi jaringan jalan darat dapat dilaksanakan dengan lebih kerap. Walau bagaimanapun bagi kawasan yang memerlukan kepada penggunaan bot atau kenderaan yang lain, maka pihak BSK wajar membuat jaringan dengan pihak JKSS dan juga pihak berkaitan seperti Jabatan Agama Islam Sarawak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Tabung Baitulmal Sarawak dan lain-lain bagi memudahkan perjalanan ke luar bandar. Hal ini adalah untuk memastikan masyarakat Islam di luar bandar mendapatkan penerangan berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang melalui fungsi BSK secara tepat dan berfokus.

Ketiadaan Unit Khas Berkenaan Literasi Maklumat

Literasi maklumat berkenaan dengan kes-kes di Mahkamah Syariah merupakan perkara penting bagi menjamin ketelusan proses Mahkamah Syariah. Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia melalui peranan JKSM telah menjalankan banyak aktiviti literasi maklumat termasuk Siri Binokular Undang-undang (Noor Aziah, 2021), Program *Online Legal Clinic*: Siri Literasi Undang-undang (Nik Salida Suhaila, 2021), Program Sayangi Diri (Rohanizam Talib, 2021) dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga. Penerangan fungsi dan peranan BSK JKSM dilakukan melalui siaran langsung *Facebook Live* melalui Program Literasi Undang-undang Bahagian Sokongan Keluarga anjuran JKSM. Pelbagai tajuk dikhususkan kepada semua Pegawai Syariah yang ditempatkan di BSK seperti Tunggakan Iddah & Mut'ah (Siti Aishah Kamaruddin, 2021) Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah (Jamil Ahmad, 2021), Hutang Nafkah: Pandangan Islam & Perundangan (Dilema Penghutang Nafkah) (Mohd Alimi, 2021) dan sebagainya. Perkara ini dilihat lebih tersusun kerana ianya telah diatur oleh pihak Ibu Pejabat BSK di Putrajaya.

Pada menjalankan tugas BSK terhadap hak wanita maka tiga (3) unit utama diwujudkan untuk memudahkan urusan pengurusan secara teratur dan terancang (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Unit yang tersebut adalah Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) (Roslina Che Soh et al., 2017). Ketiga-tiga unit ini menjalankan fungsi khusus sebagaimana yang telah diterangkan. Walau bagaimanapun dari sudut literasi maklumat peranan BSK di Sarawak masih belum mempunyai unit khusus menjalankan fungsi ini. Hal ini adalah kerana kakitangan yang sedia ada menjalankan fungsi khusus seperti mengendalikan kes sebagai Peguam Syarie, proses runding cara dan aktiviti Mahkamah Syariah (Mohd Sufi, 2021). Peguam Syarie akan menghadiri prosiding sehingga mahkamah memerintahkan berkenaan perintah penguatkuasaan pelaksanaan penghakiman (Mohd Na'im Mokhtar, 2015). Proses penyaluran maklumat dasar dari kerajaan kepada masyarakat awam merupakan sub-disiplin dalam komunikasi massa iaitu

suatu bentuk komunikasi yang melibatkan sebaran maklumat dari sumber kepada pihak awam yang ramai sebagaimana dinyatakan oleh Hamidi, Tuan Pah & Mat Khalid (2012).

Penyelidikan mencadangkan agar diwujudkan “Unit Literasi Maklumat Undang-Undang” di BSK Sarawak. Hal ini bagi mengkhususkan gerak kerja unit ini khusus kepada literasi maklumat kepada masyarakat Islam, agensi kerajaan dan swasta secara teratur dan tersusun. Unit ini juga secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan korporat dengan media massa seperti radio, televisyen dan akhbar untuk menyampaikan maklumat serta dapat menjaga kualiti penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah di Sarawak.

Kekangan Literasi Maklumat Pada Masa Pandemik Covid-19

Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada proses literasi maklumat BSK di Sarawak secara berfokus kepada masyarakat luar Bandar. Hal ini adalah kerana sebelum Pandemik berlaku di Malaysia, pihak JKSS dan BSK telah beberapa kali melaksanakan aktiviti luar bandar bagi menerangkan peranan Mahkamah Syariah dan fungsi BSK terhadap penguatkuasaan penghakiman. Walau bagaimanapun perkara ini tidak dapat dilakukan secara bersemuka memandangkan atas faktor keselamatan dan kesihatan walaupun telah dirancang (Mohd Sufi, 2021). Pihak BSK di Sarawak telah mengambil inisiatif melaksanakan literasi maklumat melalui saluran media dalam tempoh pandemik sehingga Mei 2021 sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 4: Program Literasi Maklumat BSK Sarawak sewaktu Tempoh Pandemik Covid-19

Bil.	Program Literasi Maklumat	Saluran Literasi
1	Segmen Internet Radio Islamic Sarawak (IRIS) Bersama JKSS (Kegagalan Pemberian Nafkah kepada Bekas Isteri dan Anak) 14 September 2020	Media Elektronik (Radio)
2	Risalah (Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak) Januari 2021	Media Bercetak
3	Penerbitan Buku (Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak) Januari 2021	Media Bercetak
4	Akhbar UTUSAN SARAWAK (BSK JKSS bantu wanita teraniaya) 9 April 2021	Media Bercetak
5	Televisyen TVS Saluran Astro 122 Program Sejahtera Asia 25 April 2021	Media Elektronik (Televisyen)

Sumber: Laporan Aktiviti Program BSK JKSM (Seksyen Sarawak)

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan terdapat lima (5) aktiviti literasi maklumat dalam tempoh pandemik covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin pada 16 Mac 2020 dan

perintah tersebut berkuatkuasa pada 18 hingga 31 Mac 2020 (Irwan Mohd Subri, 2020). Kerajaan telah mengambil langkah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti kemudiannya dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bergantung pada zon dan jumlah positif kes di lokasi berkenaan (Mohd. Kamel et al., 2021). Situasi ini juga memberi kesan kepada proses literasi BSK di Sarawak. Walau bagaimanapun, atas inisiatif pihak BSK dengan kerjasama pihak JKSS untuk memastikan masyarakat di Sarawak terus mendapatkan maklumat berkenaan penguatkuasaan penghakiman, maka aktiviti literasi maklumat telah diatur secara terancang. Medium media massa digunakan dalam tempoh pandemik covid-19 ini antaranya melalui media bercetak dan elektronik. Menurut YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara, Malaysia menyatakan bahawa penjawat awam perlu menggunakan saluran media sosial dalam menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar awam kerajaan (Kementerian Kerja Raya Malaysia, t.t).

Penyelidikan mendapati bahawa lima (5) aktiviti literasi maklumat yang ini dilihat merupakan mekanisme yang memberikan kesan kepada masyarakat. Penggunaan media elektronik seperti radio dan televisyen adalah akses terbaik untuk masyarakat memahami perkara ini. Medium TVS yang digunakan juga boleh diakses oleh semua masyarakat di Malaysia melalui saluran Astro. Hal ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa BSK di Sarawak melaksanakan fungsi penguatkuasaan penghakiman di Mahkamah Syariah. Penyelidikan mencadangkan agar penggunaan saluran media dilakukan secara berkala melalui slot televisyen, radio dan akhbar untuk memastikan kelancaran maklumat.

Kesimpulan

Literasi maklumat berkenaan fungsi BSK di Malaysia merupakan perkara penting memastikan wanita dan kanak-kanak diberikan hak melalui saluran undang-undang di Mahkamah Syariah. Kewujudan BSK di JKSN dan MSN membantu pihak yang teraniaya melalui proses pasca penghakiman sebagaimana peruntukan undang-undang. Program dan aktiviti literasi maklumat di peringkat masyarakat awam khususnya di luar bandar terhadap kefahaman penguatkuasaan penghakiman ini telah dilaksanakan oleh BSK JKSM di Sarawak secara mendasar. Pelbagai aktiviti yang dijalankan melalui saluran fizikal dan media massa. Pandemik covid-19 bukan halangan bagi meneruskan literasi maklumat ini bahkan sebagai peluang bagi menyampaikan maklumat perkhidmatan kepada masyarakat. Penyelidikan mencadangkan agar BSK di Sarawak diperkasa dengan jumlah kakitangan yang optimum berdasarkan faktor geografi dan gerak kerja. Kewujudan Unit Literasi Maklumat wajar ditubuhkan bagi melancarkan aktiviti literasi maklumat ini untuk memastikan agensi kerajaan, agensi swasta, pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan khususnya masyarakat awam mengetahui proses penguatkuasaan penghakiman yang dilaksanakan oleh BSK di Sarawak.

Rujukan

- Abdul Karim Mohd Nuli & Zulzaidi bin Mahmod. 2020. Mekanisme Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Hak Wanita Melalui Fungsi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. *Kertas Kerja Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak*. November (2020), 1-16.
- Abdul Sany Faizal Abdul Rahman Iwn. *Zulraini Dato` Zulkifli*, Kes Mal Bil.: 14000-037-0001-2009, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan. (Kes tidak dilaporkan).
- Agustin Hanafi & Mohamad Hedhayatullah Bin Mohamad. (2018). Peran Bahagian Sokongan Keluarga Dalam Masalah Pemenuhan Nafkah Isteri Pasca Perceraian. *Media Syari'ah*, 20(1), 57-74. Diakses dari <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar/article/view/6501/3927>
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585).
- BSK JKSS. 2021. *Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak*. Sarawak: JKSS
- Fadzilah Abdul Majid. 2003. Maps and Counter-Maps: Globalised Imaginings and Local Realities of Sarawak's Plantation Agriculture. *Article in Journal of Southeast Asian Studies*, 34(2), 265-284. Diakses dari DOI: 10.1017/S0022463403000250
- Garis Panduan Portal myGovernment Dan Laman Web/Portal Agensi-Agensi Sektor Awam. Diakses dari https://www.terengganu.gov.my/images/muat-turun/3-Pek-012006-Garis-panduan-lamanweb-v2_4-b.pdf
- Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Mat Khalid Md Noh. 2012. Proses Penyaluran Maklumat dalam Skop Tadbir Urus Dasar Pengurusan Alam Sekitar Bandar. *Journal of Governance and Development*. 8, 38-43. Diakses dari <http://repo.uum.edu.my/11909/1/5.pdf>
- Ibn Farhun, al-Imam al-`Allamah Burhan al-Din Abi al-Wafa' Ibrahim Ibn al-Imam Shams al-Din Abi Abdullah Muhammad. 2003. *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*, j. 1. Riyadh: Dar `Alam al-Kutub.
- Ibn Qudamah, Muwaffaquddin Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad Ibn Qudamah al-Hanbali al-Maqdisi. 2004. *al-Mughni*, j.1. Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dauliyyah.
- Irwan Mohd Subri. 2020. Langkah Pencegahan Pandemik Covid 19 Melalui Perintah Kawalan Pergerakan: Satu Masalah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 65-98. Diakses dari http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/105911/5.pdf
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2013. *Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2013-2018*. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Di akses pada 30 Julai 2021. Diakses dari <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/produk-banci/penerbitan/banci-2010/664-taburan-penduduk-dan-ciri-ciri-asas-demografi-2010>
- Jamil Ahmad. 2021. *Penguatkuasaan Perintah Nafkah Di Mahkamah Syariah* dalam Program Literasi Undang-Undang Bahagian Sokongan Keluarga anjuran BSK JKSM melalui medium Facebook BSK pada 11 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/videos/814697689234825>

- Kementerian Kerja Raya Malaysia. t.t. *Kerangka Kerja Strategik Pasukan Media Sosial Kerja Raya*. Kementerian Kerja Raya Malaysia: Kuala Lumpur. Diakses dari <http://www.kkr.gov.my/public/Kerangka%20Kerja%20Strategik%20%28KKS%29%20Pasukan%20Media%20Sosial%20%28PMS%29%20Kerja%20Raya.pdf>
- Khadijah Ibrahim (Penolong Pegawai Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak)), dalam temubual pada 23 April 2021. Laman Web Rasmi *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*, dicapai 17 Januari 2020. Diakses dari <http://www.kehakiman.gov.my/>
- Lampiran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008, 15. Diakses dari http://www.pcb.gov.my/Annual/Lampiran_PKPA012008.pdf
- Laporan Aktiviti Program BSK JKSM (Seksyen Sarawak) April 2019- April 2021.
- Mohamed Faouzi Mokhtar, Siti Fatimah Ahmad Maulana, Salmi Amalia Jamil & Mohd Fariq Azaimi Apandi. 2021. *Jenis-Jenis Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan: Satu Pengenalan* dalam Nasimah Hussin et al. (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*. Malaysia: JKSM & UIAM, 307-326.
- Mohd Alimi Mohamad. 2021. *Hutang Nafkah: Pandangan Islam & Perundangan (Dilema Penghutang Nafkah)* dalam Program Literasi Undang-Undang Bahagian Sokongan Keluarga anjuran BSK JKSM melalui medium Facebook BSK pada 4 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/videos/255900416101569>
- Mohd Amir Arifin@Mohd Rifin. 2021. Fungsi Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Menurut Maqasid al-Shari`ah: Keberkesanannya di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, Nasimah Hussin et al (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*. Malaysia: JKSM & UIAM, 327-352.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. 2021. Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggalan Nafkah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(1), 29-38. Diakses dari <http://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2021/06/JCIL-2021-61-Article-4.pdf>
- Mohd Na'im Mokhtar. 2015. Role of Family Support Division in The Enforcement And Execution Of Syariah Court Maintenance Orders. Kertas Kerja Pembentangan IAIS pada 21 April 2015. Diakses dari https://iais.org.my/attach/21APR2015_ShariahCourts/IAIS_BSK_21042015.pdf
- Mohd Sufi Mohd Rani (Penolong Pengarah, Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak)), dalam temubual pada 23 April 2021.
- Mohd Yusoff bin Ali lwn. *Zaharah binti Ayob*, Kes Mal Bil.: 070000-037-0005-2019, Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. (kes tidak dilaporkan).
- Mohd. Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Nursafra Mohd. Zhaffar dan Sirajuddin Suhaimee. 2021. Impak pandemik COVID-19 terhadap penyeragaman dan penyelarasan fatwa di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 269–286.
- Muhammad Bashir Alkali. 2021. Judgment Writing and Execution of Judgment in Sharia Courts of Yobe State, Nigeria. *Journal of Shariah Law Research* 6(2), 147-166.

- Nik Salida Suhaila Nik Salleh. 2021. *Kesan Pandemik COVID-19: Hak Jagaan Anak-Anak Yatim Dari Aspek Perundangan* dalam program Online Legal Clinic: Siri Literasi Undang-Undang anjuran JKSM melalui medium Facebook JKSM pada 19 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.facebook.com/myJKSM/videos/142578204667190/>
- Noor Aziah Mohd. Awal. 2021. *Hak Kanak-Kanak vs Ego Ibu Bapa* dalam Siri Binokular Undang-Undang anjuran JKSM melalui medium Facebook JKSM pada 10 Jun 2021. Diakses dari <https://www.facebook.com/myJKSM/videos/884817488912330>
- Perlembagaan Persekutuan
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2019. *Panduan Literasi Media dan Maklumat: Tahap Pertengahan*. Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program Kembara Prihatin Negara (KPN). Diakses pada 23 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=ZFBpYkhSV3QvQ29ScStkUVJNM1Q1UT09>
- Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. “Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti”, h. 12. Diakses pada 23 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-08/11.%20Bab%208%20Mentransformasi%20perkhidmatan%20awam%20untuk%20produktiviti.pdf>
- Prashobh Karunakaran. 2014. Electric Power Grid Optimization For The state of Sarawak as an Example For developing Countries. *International journal of Electrical and Electronic Engineering & Telecommunication*. 3(2), 97-113. Diakses dari [http://www.ijeetc.com/v3/v3n2/12_A0180_\(97-113\).pdf](http://www.ijeetc.com/v3/v3n2/12_A0180_(97-113).pdf)
- PS lwn AA & NBEA, [Kes Jenayah No. 10006-143-0071-2018 dan 10006-143-0072-2018].; Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, laman sesawang JAKEES, dicapai 17 September 2020. Diakses dari <https://jakess.gov.my/pdf/KoleksiPengkakimanMRS/2018/PS%20lwn%20AA%20%26%20NBEA.pdf>
- Rohanizam Talib. 2021. *Hutang Baik V Hutang Jahat* dalam Program Sayangi Diri Undang anjuran JKSM melalui medium Webex JKSM pada 13 Ogos 2021.
- Roslina Che Soh@Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Mohd. Na'im Mokhtar. 2017. Bahagian Sokongan Keluarga Membantu Anak Selepas Perceraian: Keberkesanan, Cabaran dan Perbandingan Dengan Amalan Negara Maju. *KANUN*, 29(2), 60-89.
- Sidang Parlimen. 2017. “Jawapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat” No. Soalan 75, Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Mesyuarat Kedua, Dewan Rakyat Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas. 26 Julai 2017.
- Sidang Parlimen. 2019. “Jawapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat” No Soalan 55, Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Negara, Mesyuarat Ketiga 2019, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas. 9 Disember 2019.
- Sidang Parlimen. 2019. “Jawapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat” No. Soalan 20, Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Negara, Mesyuarat Ketiga 2019, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas. 9 Disember 2019.

- Siti Aishah Kamaruddin. 2021. *Tunggakan Iddah & Mut'ah* dalam Program Literasi Undang-Undang Bahagian Sokongan Keluarga anjuran BSK JKSM melalui medium Facebook BSK pada 18 Ogos 2021. Diakses dari <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/videos/215474047086146>
- The Official Portal of Sarawak Government. Sarawak Population. Di akses pada 16 Jun 2021. Diakses dari https://sarawak.gov.my/web/home/article_view/240/175/
- Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). 2008. Lampiran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008, 15. Diakses dari http://www.pcb.gov.my/Annual/Lampiran_PKPA012008.pdf
- Zaini Nasohah. 2009. Cabaran Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dari Perspektif Peguam Syar'ie. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 13 (2009), 115-128.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2011. *Nizam al-Qada` fi al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang. 2016. Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan. *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 1(2), 201-212. Diakses dari <https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol1no2.3>
- Zulzaidi Mahmod, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin. 2021. Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 252 - 267.
- al-Zuhayli, Muhammad. 2011. *al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Shafi`i*, j. 5. Damsyiq: Dar al-Qalam.